

kita tidaklah dapat melupakan halangan-halangan yang dihadapi oleh peneroka, seperti Ridley, bagi meyakinkan betapa terjaminnya masa depan getah. Saya sukalah menyatakan di sini bahawa mengikut seiarah, orang yang mula-mula menyahut cabaran mengorak langkah ke bidang industri pertanian baru pada masa itu, ialah seorang pekebunkecil dari Melaka. Pekebun-pekebun kecil yang lain di Johor, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor, adalah diantara mereka yang awal-awal lagi memulakan penanaman getah di kebun-kebun mereka.